

# Dasar dan mekanisme

UM 13 OCT 2002

## MUKADIMAH

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bercakap tentang banyak perkara termasuk ujian dan cabaran sepanjang kerjaya politik, rancangan perancangan serta wawasan beliau untuk kemajuan Malaysia pada abad ke-21 ketika diwawancara oleh CNN menerusi program *Talk Asia*.

Dalam program tersebut Dr. Mahathir, pemimpin paling lama di Asia, juga menceritakan soal keluarganya.

Pengacara CNN *Talk Asia*, LORRAINE HAHN menggarap Dr. Mahathir yang menjadi Perdana Menteri selama dua dekad, telah menjadi simbol hidup nasionalisme Melayu dan penggerak kejayaan Malaysia yang merdeka daripada kehidupan sengsara selepas penjajahan.

Hahn berpendapat, Dr. Mahathir yang asalnya dilatih sebagai doktor keluarga, bakal muncul sebagai bintang dalam buku-buku sejarah Asia.

Dalam wawancara di kediaman rasminya di Putrajaya, Hahn turut membawa Dr. Mahathir mengimbas kembali ketika beliau mengumumkan peletakan jawatannya semasa Perhimpunan Agung UMNO yang merupakan detik penuh emosi dan mengejutkan semua pihak termasuk keluarganya sendiri.

Berikut adalah transkrip penuh wawancara Dr. Mahathir dengan Hahn.

# negara kukuh

**H**AHN: Adakah anda menjangka detik itu (pengumuman persaraan) akan menjadi begitu mengharukan.

**DR. MAHATHIR:** Saya sangka saya boleh mengelak daripada berasa terharu tetapi dalam keadaan itu, rasa-rasanya saya hilang kawalan diri.

**Adakah ia perlakuan yang ganjil bagi seseorang seperti anda?**

**DR. MAHATHIR:** Tidak. Saya pernah mengalaminya sebelum itu, juga semasa perhimpunan agung parti.

**Adakah anda gusar menghadapi detik itu?**

**DR. MAHATHIR:** Saya tidak gusar menghadapi detik itu. Saya sebenarnya tidak sabar-sabar untuk mengumumkan persaraan dan hendak meletak jawatan dan berundur serta-merta.

**Maksud saya, adakah ia dirancang? Apabila melihat apa yang berlaku secara langsung di televisyen, kelihatan semua orang tergamam, termasuk isteri anda.**

**DR. MAHATHIR:** Saya tidak beritahu sesiapa langsung sebab banyak kali sebelum ini saya telah membincangkan kemungkinan bersara dengan rakan-rakan dan mereka membantah. Jadi saya fikir satu-satunya cara yang boleh saya lakukan ialah mengumumkannya secara terbuka tanpa memberitahu sesiapa, walaupun isteri saya sendiri.

**Kenapa anda berbuat begitu? Apa yang mendesak anda untuk melakukannya?**

**DR. MAHATHIR:** Tidak ada apa-apa yang mendesak. Apa yang berlaku ialah saya memang berhasrat meletakkan jawatan pada 1998, tetapi disebabkan krisis dan juga masalah dengan (bekas) timbalan saya, saya terpaksa menangguhkan persaraan yang dirancang selepas Sukan Komanwel.

Sejak itu, saya menghabiskan masa cuba memulihkan semula parti dan saya rasa telah melakukan secukupnya sehingga kembali kepada asal. Jadi saya fikir sudah sampai masanya untuk saya mengundur diri.

**Mampukah Malaysia bertahan tanpa 'pendekar', jika saya boleh gunakan gelaran itu?**

**DR. MAHATHIR:** Malaysia mempunyai

nya kerana ada perkara lain yang perlu dilakukan. Jadi saya tidak fikir saya akan terasa sangat kehilangannya.

**Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menjadi pengganti anda. Apakah kualiti yang anda berdua kongsi bersama?**

**DR. MAHATHIR:** Ya, kami percayakan perkara yang sama. Kami percayakan kaedah yang sama. Sudah tentu gaya beliau akan berbeza tetapi itu tidak mengapa.

**Adakah itu yang dikehendaki oleh Malaysia, pemimpin yang berbeza gayanya?**

**DR. MAHATHIR:** Mungkin, saya fikir baik bagi rakyat menerima perubahan.

**Tidakkah anda fikir sesetengah pihak akan kehilangan pemimpin seperti anda? Pemimpin yang telah meletakkan Malaysia di peta dunia?**

**DR. MAHATHIR:** Sesetengah pihak mengatakan mereka akan rindukan saya, tetapi saya fikir mereka boleh melakukannya tanpa saya.

**Apakah legasi paling bermakna yang anda tinggalkan? Maksud saya ada dua jenis legasi, dari aspek fizikal ialah Menara Berkembar Petronas, infrastruktur, litar lumba kereta dan satu lagi kerencaman budaya.**

**DR. MAHATHIR:** Budaya adalah lebih penting. Hakikat bahawa saya mampu mengekalkan keharmonian kaum di antara pelbagai latar belakang di Malaysia, itu yang lebih mustahak.

**Mencari keseimbangan di antara kaum?**

**DR. MAHATHIR:** Hakikat bahawa semasa kegawatan ekonomi, tidak berlaku pertikaian kaum seperti di negara lain.

**Adakah itu satu cabaran bagi anda?**

**DR. MAHATHIR:** Ya, ia satu cabaran. Sewaktu saya mula-mula dinamakan sebagai Timbalan Perdana Menteri, saya terkejut yang saya terpilih kerana saya pernah dilabel sebagai pelampau dan sangat anti-Cina.

**Bagaimana anda menukar tanggapan itu?**

**DR. MAHATHIR:** Kerana (tuduhan) itu tidak benar. Tidak ada apa yang berubah, ia cuma tanggapan yang dibuat oleh sesetengah pihak yang hendak menyingkirkan saya. Menggelarkan saya sebagai pelampau dan

segala-galanya untuk meneruskan pertumbuhan, baik dasar-dasar mahupun mekanisme. Jadi saya fikir biarpun selepas saya tidak lagi dalam kerajaan, Malaysia boleh melakukannya dengan orang lain yang mahir dengan dasar-dasar kita.

**Selepas melakukan kejutan tentang persaraan, bagaimana reaksi mereka yang rapat dengan anda? Adakah keluarga terkejut? Mereka bertanya, 'tahuakah apa yang anda telah lakukan?' Apa reaksi mereka?**

**DR. MAHATHIR:** Keluarga saya menerimanya tetapi parti merasakan ia terlalu mendadak dan mereka mahu lebih masa untuk membuat penyesuaian dan mereka merrayu dan saya terpaksa akur.

**Adakah anda benar-benar positif akan bersara?**

**DR. MAHATHIR:** Ya.

**Muktamad?**

**DR. MAHATHIR:** Betul.

**Tidakkah anda bercadang memegang jawatan Menteri Kanan seperti Lee Kuan Yew?**

**DR. MAHATHIR:** Tidak, itu bukan buat saya.

**Kenapa tidak?**

**DR. MAHATHIR:** Kerana saya tidak fikir saya patut masuk campur.

**Selama 57 tahun, jika saya betul? 20 tahun dalam politik sepenuh masa, lebih dua dekad berada di puncak kepimpinan negara. Tentu anda merasakan kehilangan sesuatu kelak.**

**DR. MAHATHIR:** Sudah tentu saya merasai kehilangan jawatan itu. Saya fikir saya akan terus bersama parti, saya akan terus bekerja untuk parti. Saya mahu memastikan parti terus menang (pilihan raya). Jadi saya mempunyai lebih banyak masa untuk turun dan berjumpa rakyat di akar umbi.

**Tetapi maksud saya, tidakkah sukar rasanya kehilangan kuasa?**

**DR. MAHATHIR:** Tidak, saya rindukan tugas sebagai doktor tetapi saya melepaskan-

memberi label tertentu, merupakan muslihat untuk memperlekehkan pengaruh seseorang.

**Macam mana pun, itu politik bukan?**

**DR. MAHATHIR:** Betul, itu politik. Saya terima.

**(Saya ingin berkongsi dengan anda lebih banyak mengenai perbualan peribadi antara saya dengan Perdana Menteri Malaysia, Dr. Mahathir Mohamad. Sebahagian besar daripada keperibadian Dr. Mahathir terbentuk pada zaman penjajahan Jepun). Apa pengaruh zaman tersebut dalam hidup anda?**

**DR. MAHATHIR:** Saya rasa kesannya besar. Tempoh itu membuktikan kepada saya bahawa orang British tidak kebal. Mereka berjanji untuk melindungi negara ini selagi ada bintang, bulan dan matahari, tetapi jelas mereka tidak dapat berbuat demikian, sebaliknya pihak Jepun pula yang berbuat demikian. Jadi, idea mengenai kekebalan hilang.

Sejak dari itu, saya terfikir bahawa kami juga boleh melakukan apa yang telah dibuat oleh Jepun kerana kami juga orang Asia dan kami boleh mencapai sesuatu dan mentadbir negeri kami sendiri.

**Adakah tempoh itu masa yang sukar di Malaysia?**

**DR. MAHATHIR:** Ya, masa itu amat sukar kerana makanan tidak banyak dan kami pula amat miskin. Semua abang saya hilang pekerjaan mereka. Kami terpaksa menjual pisang di tepi jalan dan macam-macam lagi.

**Saya baru sahaja hendak bertanya. Adakah benar anda pernah menjual pisang goreng?**

**DR. MAHATHIR:** Ya, betul. Saya terpaksa mencari sedikit wang. Saya tidak boleh terus bergantung kepada orang lain. Jadi, saya buka sebuah kedai kopi yang kecil dan kemudiannya saya menjual bermacam-macam benda di pasar berdekatan.

**Jadi sudah ada minat keusahawanan yang bercambah pada masa itu?**

**DR. MAHATHIR:** Saya terpaksa belajar bagaimana untuk berniaga dan ia adalah pengalaman yang baik.

**Pernahkah anda terfikir untuk menja-  
di Perdana Menteri Malaysia?**

**DR. MAHATHIR:** Tidak pernah kerana pada masa itu kami tidak terfikir pun untuk merdeka. Saya ingatkan perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan akan memakan masa yang panjang dan hanya mungkin tercapai lama selepas saya mati.

**Jadi, dari mana datangnya cita-cita politik anda?**

**DR. MAHATHIR:** Sebenarnya, selepas sahaja perang, British kembali ke sini dan mereka membuat keputusan untuk menjadikan Malaysia koloni penuh milik mereka dan bukan lagi negara yang dilindungi. Itu amat ditentang oleh orang Melayu dan saya pun menyertai mereka. Saya amat aktif di kalangan pelajar, orang-orang muda, mengajak mereka membuat bermacam-macam perkara seperti berdemonstrasi, menaikkan poster dan sebagainya. Jadi, saya mula terlibat dalam politik.

**Bagaimana anda membahagikan masa menjadi seorang doktor dan pada masa yang sama menceburi politik? Bagaimana anda menyeimbangkan keduanya?**

**DR. MAHATHIR:** Tidak banyak sebenarnya. Menjadi seorang pengamal perubatan membolehkan saya berhubung dengan orang biasa, memahami masalah mereka, berasa simpati terhadap mereka dan secara semula jadi saya berasa mahu menolong mereka dan jika anda menjadi seorang ahli politik, dan jika anda berjaya, lebih banyak pertolongan yang boleh anda hulurkan.

**Bila anda sedar anda terpaksa melepaskan tugas kedokteran untuk memberikan sepenuh perhatian kepada politik?**

**DR. MAHATHIR:** Saya masih dapat meneruskan amalan perubatan saya semasa menjadi Ahli Parlimen. Tetapi bila saya dilantik menjadi Menteri Pendidikan pada 1974, saya terpaksa melepaskannya kerana ia adalah satu syarat. Jadi, tidak ada masalah di situ. Saya berhenti kerana saya rasa menjadi seorang menteri memberikan saya peluang untuk menolong lebih banyak orang.

**Adakah anda anggap diri anda sebagai Melayu tipikal?**

**DR. MAHATHIR:** Mungkin tidak begitu tipikal kerana saya ada kecenderungan untuk menolak apa sahaja nilai hidup, termasuk nilai hidup kaum Melayu, yang meng-

kerana saya sayangkan negara ini.

**Bagaimana dengan ibu anda? Tidak banyak ditulis mengenai beliau. Apa yang beliau ajar?**

**DR. MAHATHIR:** Ibu saya mempunyai pengaruh yang besar juga, dengan mengajar saya keperluan untuk merendah diri. Mengenai perlunya berbaik-baik dengan orang, untuk mencuba dan untuk menolong dan perkara-perkara seperti itu. Jika saya bergaduh dengan orang lain, ibu saya akan menyalahkan saya, tidak pernah menyalahkan orang lain.

**Jadi seolah-olah ada keseimbangan antara ayah yang amat tegas dan ibu yang amat memahami?**

**DR. MAHATHIR:** Ya, saya lebih rapat dengan ibu saya.

**(Sekarang, lebih banyak mengenai perbualan saya dengan Perdana Menteri Malaysia, Dr. Mahathir Mohamad. Dr. Mahathir mempunyai nama panggilan 'Che Det'. Panggilan 'Che' adalah panggilan orang Melayu untuk orang muda. 'Det' pula adalah singkatan daripada nama beliau. Semasa Dr. Mahathir menulis untuk penerbitan pelajar, beliau menggunakan nama pena Che Det). Adakah masih ada orang yang memanggil anda sebagai Che Det?**

**DR. MAHATHIR:** Ya, ahli keluarga saya. Ahli keluarga yang tua memanggil saya dengan nama itu dan di Kedah, kalau saya balik ke kampung, masih ada kawan-kawan yang memanggil saya dengan nama yang sama.

**Jika ada satu isu besar yang anda perlu fikirkan, siapa yang anda rujuk untuk mendapatkan nasihat?**

**DR. MAHATHIR:** Saya bercakap dengan hampir semua orang, tetapi saya tidak menyatakan apa yang saya mahu daripada mereka. Dan akhirnya, saya akan membuat keputusan saya sendiri.

**Tetapi tidakkah anda mempunyai satu lingkungan teman, mungkin ahli keluarga, termasuk seseorang yang anda boleh katakan, "Saya bimbang mengenai isu ini... apa yang anda fikir?"**

**DR. MAHATHIR:** Tidak, saya sebenarnya tidak begitu terbuka dengan orang lain. Saya rasa saya suka menyimpan banyak perkara.

**Kenapa? Adakah ia masalah keper-**

**Adakah anda setuju?**

**DR. MAHATHIR:** Saya terpaksa ber-setuju.

**Apa bentuk sokongan yang diberikannya selama ini, yang benar-benar bermakna kepada anda? Selain hanya menjadi isteri anda?**

**DR. MAHATHIR:** Sebenarnya, jaminan bahawa saya boleh balik ke rumah kepada isteri dan keluarga saya. Itu adalah sokongan yang secukupnya bagi saya.

**Isteri anda membesarkan tujuh orang anak.**

**DR. MAHATHIR:** Saya lebih suka menyatakannya "kami" membesarkan tujuh orang anak.

**Apakah rahsia kepada kejayaan perkahwinan anda?**

**DR. MAHATHIR:** Saya rasa tolak ansur dan memandangkan kami hidup bersama, saya rasa kami perlu belajar untuk bertimbang rasa. Dan, saling melupakan dan memaafkan, kadang-kadang berkompromi seperti orang lain.

**Kita semua tahu anda adalah bos negara ini. Adakah anda bos di rumah?**

**DR. MAHATHIR:** Tidak, tidak, tidak. Saya bukannya bos di rumah. Ada benda-benda yang saya tidak boleh tentukan.

**Seperti apa?**

**DR. MAHATHIR:** Kadang-kadang saya diminta untuk menghadiri majlis tertentu, dan saya diberitahu saya perlu hadir. Saya lakukan.

**Bagaimana dengan cucu anda?**

**DR. MAHATHIR:** Saya rasa serupa seperti semua datuk yang lain, saya sayang cucu saya dan mereka rapat dengan saya bila saya ada bersama mereka.

**Mengenai agama Islam, bagaimana anda mengajar anak-anak anda menjadi seorang Muslim yang baik?**

**DR. MAHATHIR:** Sejak awal, mereka diajar semua elemen yang sepatutnya mereka perlu ada dan juga asas pemahaman mengenai agama. Kami mendapatkan guru-guru untuk mengajar mereka. Dan kami juga mencuba dengan memberi bermacam contoh.

**Anda kini 76 (tahun) menuju 77, melihat anda seolah-olah anda tidak pernah merasakannya. Bagaimana anda me-**